

## Modul Mandarin For All: Book 1 Menang Anugerah Buku Negara



Kuala Lumpur, 2 Mei - Kualiti Modul Mandarin for All: Book 1 mengikuti piawai Common European Framework Reference of Language (CEFR) berjaya dinobatkan sebagai Buku Pendidikan Terbaik pada Anugerah Buku Negara (ABN) yang berlangsung di Hotel Seri Pacific, di sini, baru-baru ini.

Penilaian yang dibuat oleh Panel Penilai Profesional ABN itu, memilih buku terbitan Penerbit UMP berdasarkan kriterianya yang memenuhi piawai antarabangsa seperti yang disarankan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi kegunaan pelajar universiti di negara ini.



Penulisnya, Yong Ying Mei berkata, ciri-ciri yang terdapat pada buku berkenaan seperti mengikuti silibus Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK) yang diiktiraf di dunia dan penggunaan audio dalam bentuk QR Code melayakkan buku berkenaan menang pada anugerah berprestij itu.

"Tujuan buku ini adalah untuk membantu pelajar bukan Cina menguasai bahasa Mandarin dengan serta merta. Ini terbukti apabila pelajar UMP berjaya lulus ujian HSK dalam tempoh 28 jam dengan cemerlang. Ianya juga meningkatkan fokus pelajar dalam kemahiran mendengar dan bertutur dan formatnya direka setara dengan bentuk ujian HSK.

Saya dan rakan penulis, Cheng Ching Yee amat berterima kasih kepada Dekan kami dan Penerbit kerana membantu kami dalam penerbitan buku ini," katanya yang juga Guru Bahasa Mandarin di Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Sementara itu, Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, kejayaan itu merupakan hasil usaha keras penulis buku berkenaan dalam menyediakan modul yang terbaik kepada pelajar kursus Mandarin.

Katanya, ini adalah usahasama strategik antara pihaknya dan pensyarah di sini untuk memastikan buku yang diterbitkan berkualiti dan menepati keperluan pelajar serta memenuhi piawaian antarabangsa supaya dapat dipasarkan dengan lebih meluas.

***Disediakan oleh Shalfarina Shahrinan dari Penerbit UMP.***

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 05-05-2017, 16:34:42